

## SOALAN - SOALAN LAZIM

# Program JaminKerja-Insentif Penggajian



### 1 Apakah itu Program JaminKerja-Insentif Penggajian?

- Program JaminKerja – Insentif Penggajian merupakan satu insentif kewangan sehingga RM42,000 yang diberikan kepada majikan yang membuat pengambilan pekerja baharu mulai 1 Januari 2022.
- Insentif ini dikhaskan kepada majikan yang mengambil pekerja di kalangan perantis, graduan, wanita dan golongan mudah terjejas termasuk OKU, bekas tentera, bekas banduan, warga emas serta pengangguran am.

### 2 Apakah keistimewaan Program JaminKerja-Insentif Penggajian

- Merangsang permintaan pekerjaan dikalangan majikan dan meningkatkan peluang pekerjaan serta mengurangkan pengangguran.
- Membantu majikan untuk membina semula perniagaan selepas negara dilanda wabak Covid-19.
- Tiada had jumlah permohonan ditetapkan kepada pihak majikan.

### 3 Syarat-syarat tambahan

- Majikan wajib membayar gaji seperti yang diiklankan di dalam Portal MYFutureJobs
- Majikan wajib mengemaskini tarikh berhenti kerja dalam tempoh 48 jam di Portal Program JaminKerja – Insentif Penggajian dan Portal ASSIST sekiranya penerima insentif meletakkan jawatan.
- Majikan dan pekerja hendaklah mematuhi garis panduan waktu bekerja yang ditetapkan di bawah Akta Kerja 1955.
- Majikan digalakkan mengambil calon pekerja dari senarai yang berdaftar dalam Portal MYFutureJobs.
- Majikan tidak boleh memberhentikan pekerja sedia ada dan menggantikannya (substitute) dengan pekerja yang sama atau yang baharu untuk permohonan Program JaminKerja – Insentif Penggajian
- Permohonan bagi majikan yang membayar gaji harian kepada pekerja adalah dibenarkan selagi mematuhi kadar minima gaji asas (RM1500) yang pasti diterima oleh pekerja setiap bulan.
- Bagi kategori Perantisan pihak majikan perlu mengeluarkan surat tawaran Program Perantisan kepada pekerja yang diambil dibawah kategori Perantisan. (Contoh; Tawaran Pekerjaan sebagai Perantisan / Protege / Pelatih Pengurusan).
- Majikan daripada semua kategori industri yang berdaftar dengan PERKESO sebelum 1 Januari 2022 layak memohon Program JaminKerja–Insentif Penggajian.

## SOALAN - SOALAN LAZIM

# Program JaminKerja-Insentif Penggajian



- Majikan dari Sektor Awam, Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri, Badan Berkanun Yang Diasangkan Saran, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) hanya layak bagi kategori Perantisan
- Tarikh akhir permohonan untuk Program JaminKerja - Insentif Penggajian adalah pada 30 Jun 2022.

### 4 Bantuan mobiliti

- Bayaran sebanyak RM500 secara *one-off* dibayar terus kepada pekerja

### 5 Bagaimakah cara untuk membuat permohonan Program JaminKerja-Insentif Penggajian

- Majikan perlu mendaftarkan kekosongan pekerjaan di Portal MYFutureJobs melalui laman sesawang [www.myfuturejobs.gov.my](http://www.myfuturejobs.gov.my)
- Majikan perlu memastikan pekerja telah berdaftar dengan Portal MYFutureJobs sebagai pencari kerja.
- Setelah pengambilan pekerja dilaksanakan (pengambilan mulai 1 Januari 2022), daftarkan pekerja baru di laman sesawang [www.jaminkerja.perkeso.gov.my](http://www.jaminkerja.perkeso.gov.my) untuk permohonan Program JaminKerja-Insentif Penggajian.
- Majikan akan terima kelulusan pekerja yang layak dalam tempoh 14 hari daripada tarikh permohonan lengkap.
- Bayaran insentif kepada majikan akan terus dikreditkan kepada majikan setiap 2 bulan berdasarkan bayaran caruman wajib kepada PERKESO.
- Pihak majikan boleh membuat permohonan insentif melalui laman sesawang Program JaminKerja-Insentif Penggajian <https://jaminkerja.perkeso.gov.my> mulai 17 Januari 2022.
- Majikan juga boleh membuat semakan status permohonan melalui skrin semakan <https://jaminkerja.perkeso.gov.my>

## SOALAN - SOALAN LAZIM

# Program JaminKerja-Insentif Penggajian



### 6 Apakah incentif yang disediakan bagi kategori pengambilan di bawah Program JaminKerja-Insentif Penggajian

Kategori	Syarat Kelayakan	Dokumen Diperlukan	Tempoh & Kadar Insentif	Syarat Gaji Minima & Tempoh Minima Kontrak
Perantis (Management Trainee)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Hanya untuk jawatan eksekutif ke atas sahaja</li> <li>Pekerja berumur 18 – 30</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Surat tawaran pekerja. (Lampiran muka hadapan yang mengandungi maklumat gaji)</li> <li>Pengesahan tamat belajar</li> </ul>	Maksima 6 bulan  RM900 sebulan bagi setiap pekerja	RM1,500  Minima kontrak 6 bulan
Pencari Kerja Am	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pekerja berumur 16 – 49</li> <li>Menganggur sekurang kurangnya 60 hari (dikecualikan sekiranya ada notis pemberhentian yang sah)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Surat tawaran pekerja. (Lampiran muka hadapan yang mengandungi maklumat gaji)</li> </ul>	Maksima 12 bulan  Bulan 1- 6 20 % dari gaji pekerja  Bulan 7-12 30% dari gaji pekerja	RM1,500
Golongan Mudah Terjejas	<ul style="list-style-type: none"> <li>Individu menganggur bagi tempoh 180 hari dan ke atas</li> <li>Penerima Faedah SIP &amp; Peserta Program Return To Work PERKESO</li> <li>Bekas tentera</li> <li>Orang Asli</li> <li>Bekas Banduan/Orang yang Diparol</li> <li>OKU</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Surat tawaran pekerja. (Lampiran muka hadapan yang mengandungi maklumat gaji)</li> <li>Dokumen-dokumen pengesahan daripada Jabatan/Badan berkenaan seperti JKM, Jabatan Penjara Malaysia dan lain-lain</li> </ul>	Maksima 12 bulan  Bulan 1- 6 30 % dari gaji pekerja  Bulan 7-12 40% dari gaji pekerja	Minima kontrak 12 bulan

\*Gaji kasar maksimum RM10,000

## SOALAN - SOALAN LAZIM

# Program JaminKerja-Insentif Penggajian



Kategori	Syarat Kelayakan	Dokumen Diperlukan	Tempoh & Kadar Insentif	Syarat Gaji Minima & Tempoh Minima Kontrak
Wanita	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menganggur melebihi 6 bulan</li> <li>Wanita / Ibu tunggal / Suri Rumah yang tidak aktif bekerja</li> <li>Tawaran kerja secara fleksible sekurang-kurangnya dalam tempoh 40 jam seminggu</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Surat tawaran pekerja yang mengandungi maklumat seperti gaji bulanan, minima waktu bekerja mingguan / bulanan</li> </ul>	Maksima 12 bulan  Bulan 1-6 30 % dari gaji pekerja  Bulan 7-12 40% dari gaji pekerja	RM1,500  Minima kontrak 12 bulan
Pekerjaan di bawah sektor utama	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pekerjaan yang dibawah sektor berkaitan Pelancongan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Surat tawaran pekerja. (Lampiran muka hadapan yang mengandungi maklumat gaji)</li> </ul>		
Penggantian Pekerja Asing dan Pegawai Dagang	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bagi jawatan kemahiran rendah dan kemahiran tinggi (Penggantian pegawai dagang atau pekerja asing)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Surat tawaran pekerja. (Lampiran muka hadapan yang mengandungi maklumat gaji)</li> </ul>	Maksima 12 bulan  (Insentif bagi Majikan) Bulan 1- 6 20 % dari gaji pekerja  Bulan 7-12 30% dari gaji pekerja  (Insentif bagi Pekerja) Bulan 1- 12  10 % daripada gaji pekerja dibayar terus kepada pekerja (minima RM300)	RM1,500 bagi menggantikan pekerja asing  RM3,000 bagi menggantikan pegawai dagang  Minima kontrak 12 bulan

\*Gaji kasar maksimum RM10,000

## SOALAN - SOALAN LAZIM

# Program JaminKerja-Insentif Penggajian



### 7 Majikan yang **TIDAK LAYAK** memohon Program JaminKerja-Insentif Penggajian

- Agensi Pekerjaan Swasta ataupun Syarikat Penyumberan Luar (Outsourcing / Contractor for Service) yang memberikan perkhidmatan penempatan pekerjaan kepada perusahaan lain (principal) dan bukannya sebagai majikan utama.
- Walaubagaimanapun, Agensi Pekerjaan atau Syarikat Penyumberan Luar yang bertindak sebagai majikan langsung, yang melaksanakan pembayaran gaji dan caruman pekerja adalah layak untuk membuat permohonan insentif ini.

### 8 Apakah yang perlu dilaksanakan oleh majikan untuk mendapatkan insentif setiap 2 bulan?

- Majikan perlu memastikan bayaran gaji seperti yang ditawarkan di dalam kontrak perkhidmatan, bayaran caruman PERKESO dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan.

### 9 Siapakah yang **TIDAK LAYAK** mendapat insentif di bawah Program JaminKerja-Insentif Penggajian?

- Pekerja yang berhenti secara sukarela kecuali dengan tempoh 2 bulan pengangguran (prolonged unemployment)
- Pelajar praktikal atau individu yang masih belum tamat pengajian.
- Ibu bapa, suami atau isteri, adik-beradik, anak dan sesiapa yang mempunyai hubungan kekeluargaan yang diambil sebagai pekerja.
- Pekerja bukan warganegara.
- Pemilik perniagaan yang memohon untuk dirinya sendiri.
- Pekerja yang kehilangan pekerjaan yang diambil semula oleh majikan yang sama kecuali penerima faedah SIP. Walaubagaimanapun, sekiranya pekerja tersebut mempunyai tempoh tidak bekerja dengan majikan tersebut selama 6 bulan, maka majikan tersebut layak untuk memohon insentif di bawah Program JaminKerja – Insentif Penggajian.

### 10 Apakah kategori yang tidak memerlukan tempoh pengangguran 2 bulan?

- Permohonan bagi kategori Perantisan, golongan mudah terjejas untuk Orang Kurang Upaya (OKU) dan Penerima faedah SIP.

## SOALAN - SOALAN LAZIM

# Program JaminKerja-Insentif Penggajian



### 11 Apakah dokumen yang diperlukan bagi permohonan Program Insentif Pengambilan Pekerja di bawah Program JaminKerja-Insentif Penggajian?

 Maklumat akaun bank majikan (salinan hadapan yang tertera nama majikan), nombor akaun majikan dan nama bank.

 Maklumat nombor pendaftaran perniagaan majikan yang telah disahkan oleh Pihak Bank (Business Registration Number - BRN).

 Borang Pengesahan Pekerja yang telah ditandatangani oleh pekerja.

 Maklumat akaun bank pekerja (salinan halaman hadapan Penyata Bank yang tertera nama pekerja, nombor akaun pekerja, nombor kad pengenalan dan nama bank)

### 12 Bagaimanakah pembayaran insentif di bawah Program JaminKerja-Insentif Penggajian dibayar kepada majikan?

- Pembayaran akan dikreditkan ke akaun syarikat (majikan) sekiranya permohonan memenuhi syarat dan telah diluluskan.
- Pembayaran Elaun Mobiliti dan Insentif bagi kategori Penggantian Pekerja Asing dan Pegawai Dagang kepada pekerja akan dikreditkan ke akaun pekerja sekiranya permohonan telah memenuhi syarat dan telah diluluskan.
- Bayaran insentif akan dibuat setiap 2 bulan sekali dalam tempoh yang diterima iaitu 6 bulan bagi kategori Perantisan dan 12 bulan bagi kategori yang lain.

### 13 Bilakah tarikh tutup permohonan Program JaminKerja-Insentif Penggajian?

- Tarikh akhir permohonan untuk insentif Program JaminKerja-Insentif Penggajian adalah pada 30 Jun 2022.

### 14 Adakah majikan akan menerima insentif di bawah Program JaminKerja-Insentif Penggajian sekiranya pekerja dan perantis tersebut meletakkan jawatan?

- Majikan akan menerima bayaran insentif bagi bulan pekerja bekerja sahaja (dengan syarat kontrak perkhidmatan mestilah 6 bulan bagi Perantisan dan 12 bulan bagi kategori lain).

## SOALAN - SOALAN LAZIM

# Program JaminKerja-Insentif Penggajian



### 15 Adakah majikan layak memohon Program JaminKerja-Insentif Penggajian sekiranya perantis berkenaan diserap sebagai pekerja tetap?

- Ya. Majikan layak bagi kategori Pencari Kerja Am hanya untuk tempoh maksima 3 bulan
- Majikan layak membuat permohonan bagi tambahan insentif di bawah JaminKerja 12 bulan hanya untuk Program Perantisan yang telah diluluskan di bawah Program PenjanaKerjaya 3.0; dan
- Di bawah Program JaminKerja-Insentif Penggajian, pekerja hendaklah dibayar oleh majikan dengan menepati syarat gaji minimum , di mana majikan boleh memohon Insentif Pengambilan Pekerja di antara 20%-30% bagi 6 bulan pertama dan 30%-40% bagi 6 bulan seterusnya mengikut kategori yang telah ditetapkan.

### 16 Apakah yang boleh dilakukan oleh pekerja sekiranya majikan yang menyertai Program JaminKerja-Insentif Penggajian tidak membayar gaji pekerja, memotong gaji, mengarahkan pekerja mengambil cuti tanpa gaji ataupun memberhentikan perkhidmatan pekerja?

- Pekerja boleh menyemak senarai nama majikan yang telah diluluskan permohonan JaminKerja – Insentif Penggajian di laman sesawang <https://jaminkerja.perkeso.gov.my>.
- Pekerja juga boleh membuat aduan berhubung insentif penggajian di <https://eaduansip.perkeso.gov.my>
- Sebarang masalah perburuhan di luar program ini, pekerja juga boleh merujuk kepada pihak Jabatan Tenaga Kerja (JTK) di talian **03-8890 3404** atau **03 -8886 2409** atau emel di [jtksm@mohr.gov.my](mailto:jtksm@mohr.gov.my)

### 17 Bagaimanakah status permohonan insentif majikan bagi kategori pekerja yang menerima gaji di bawah RM1500 yang dibuat sebelum Perintah Gaji Minima pada 1 Mei 2022?

- Majikan yang telah diluluskan permohonan bagi kategori Wanita, Golongan Mudah Terjejas dan Penggantian Pekerja Asing dan Pegawai Dagang yang menawarkan gaji bawah RM1500 sebelum Perintah Gaji Minima pada 1 Mei 2022 akan kekal menerima insentif mengikut kadar insentif yang telah ditetapkan sebelum ini.

### 18 Bagaimanakah semakan status permohonan boleh dilakukan oleh pihak majikan?

- Majikan dan pekerja boleh membuat semakan status permohonan secara dalam talian di Sistem Program JaminKerja-Insentif Penggajian di laman sesawang <https://jaminkerja.perkeso.gov.my>

## SOALAN - SOALAN LAZIM

# Program JaminKerja-Insentif Penggajian



### 19 Apakah tindakan yang boleh diambil PERKESO sekiranya didapati maklumat yang diterima adalah palsu atau tidak benar?

PERKESO boleh mengambil tindakan seperti berikut:

- **Menolak permohonan atau menangguh dan memberhentikan bayaran** sekiranya majikan mengemukakan butir-butir atau dokumen yang palsu atau tidak benar sewaktu permohonan dibuat atau semasa permohonan diproses, juga sekiranya majikan tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di atas;
- **Menggantung permohonan baru** daripada majikan yang sedang dalam proses siasatan untuk mengemukakan tuntutan yang disyaki palsu atau tidak benar.
- **Mengambil tindakan undang-undang untuk menuntut semula bayaran** yang telah dibayar sekiranya majikan telah menerima bayaran tersebut berdasarkan kepada maklumat yang palsu atau tidak benar yang telah diberikan kepada PERKESO oleh mana-mana pihak, atau majikan didapati tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan selepas penerimaan bayaran bagi program insentif tersebut

### 20 Dokumen-dokumen yang diperlukan mengikut kategori kelayakan:

Kategori Kelayakan	Dokumen / Maklumat Pengesahan
Orang Kurang Upaya (OKU)	Hanya Memerlukan No Kad OKU
SIP / Pekerja Diberhentikan	Notis Pemberhentian sekiranya pemohon adalah bukan pencarum SIP
Orang Asli	Pengesahan JAKOA / Surat Beranak
Bekas Tentera/Polis/HEV	Kad Pengenalan Tentera
Bekas Banduan / Orang Diselia / Orang Diparol	Pengesahan Jabatan Penjara Malaysia & Kementerian Dalam Negeri

Bagi sebarang pertanyaan, sila berhubung dengan Pegawai Perkhidmatan Pelanggan PERKESO di talian 03-8091 5300 / 1-300-22-8000 atau layari <https://eaduansip.perkeso.gov.my>.

**PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)**  
**DIKEMASKINI PADA 01 JUN 2022**